BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**PEN: 11/03/27 (BN)**

**EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 19 November 2003**

**SIARAN AKHBAR**

# Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia Pada Suku Ketiga Tahun 2003

***Momentum pertumbuhan lebih kukuh pada suku ketiga***

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 5.1% pada suku ketiga berbanding 4.5% pada suku kedua tahun 2003. Pertumbuhan adalah menyeluruh, baik dari segi komponen perbelanjaan mahupun pengeluaran. Asas ekonomi yang kukuh dan tindak balas sektor awam yang menyeluruh bagi menangani ketakpastian dalam ekonomi global pada awal tahun membolehkan ekonomi negara memanfaatkan keadaan luar negeri yang lebih memberangsangkan pada suku ketiga. Tindak balas segera sektor swasta kepada langkah-langkah proaktif Kerajaan dan keadaan kadar faedah yang rendah menyumbang kepada momentum pertumbuhan yang semakin pesat.




Pertumbuhan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh sektor swasta. Aktiviti sektor swasta mengukuh dengan momentum penggunaan dan pelaburan meningkat, hasil daripada kesan-kesan kumulatif kadar faedah yang rendah, langkah-langkah Kerajaan yang meningkatkan pendapatan boleh guna dan memudahkan akses kepada pembiayaan, serta kesan positif harga komoditi yang tinggi kepada pendapatan penduduk luar bandar. Faktor penting lain yang menyokong aktiviti sektor swasta ialah peningkatan produktiviti dan kenaikan gaji benar dalam keadaan pasaran buruh yang stabil. Tindak balas positif kepada dasar Kerajaan serta prospek luar negeri yang bertambah baik meningkatkan keyakinan pengguna dan perniagaan dalam suku ketiga. Penggunaan swasta meningkat dengan ketara sebanyak 5.4% pada suku ketiga. Suasana ekonomi yang lebih menggalakkan dan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan merangsang pertumbuhan dalam pelaburan swasta. Hasilnya, pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar meningkat lebih pesat sebanyak 3.2%.

**KDNK menurut Komponen Perbelanjaan (pada harga 1987)**

| | 2002 | | 2003 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Permintaan domestik agregat (tidak termasuk stok) | 6.1 | 6.6 | 5.9 | 3.0 | 3.5 |
| Pengunaan | 7.8 | 5.1 | 6.9 | 4.3 | 3.6 |
| *Sektor swasta* | *4.2* | *4.6* | *4.3* | *3.4* | *5.4* |
| *Sektor awam* | *19.2* | *6.5* | *18.9* | *7.2* | *-1.6* |
| Pembentukan modal tetap kasar | 2.8 | 10.0 | 3.8 | 0.4 | 3.2 |
| Eksport barangan dan perkhidmatan | 11.2 | 7.2 | 1.9 | 0.2 | -5.0 |
| Import barangan dan perkhidmatan | 15.6 | 8.1 | 1.7 | -2.9 | -5.1 |
| **KDNK** | **5.8** | **5.4** | **4.6** | **4.5** | **5.1** |

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Walaupun perbelanjaan penggunaan awam kekal pada tahap yang tinggi, defisit fiskal menurun pada suku ketiga disebabkan oleh prestasi hasil yang meningkat berikutan pengukuhan ekonomi yang menyeluruh.

Kesemua sektor ekonomi berkembang dengan pesat, kecuali sektor perlombongan. Pemulihan dalam sektor pelancongan, berserta keyakinan pengguna yang semakin kukuh, menyebabkan sektor perkhidmatan pulih dengan sepenuhnya daripada kesan wabak SARS dan ketakpastian geopolitik pada awal tahun 2003.

**KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987**

| | 2002 | | 2003 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S3 | S4 | S1 | S2 | S3 |
| | % perubahan tahunan | | | | |
| Pertanian | 8.3 | 5.5 | 3.4 | 10.4 | 6.2 |
| Perlombongan | 7.9 | 7.1 | 4.5 | 11.1 | -0.7 |
| Perkilangan | 7.3 | 5.7 | 5.9 | 6.5 | 8.5 |
| Pembinaan | 2.6 | 0.5 | 1.2 | 1.4 | 2.4 |
| Perkhidmatan | 3.4 | 4.6 | 4.5 | 2.9 | 4.2 |
| **KDNK benar (perubahan tahunan)** | **5.8** | **5.4** | **4.6** | **4.5** | **5.1** |
| **KDNK benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)** | **3.6** | **0.7** | **-3.8** | **4.1** | **4.2** |

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Pengembangan yang lebih kukuh dalam sektor perkilangan sebanyak 8.5% didorong oleh penggunaan dalam negeri yang terus meningkat serta pengeluaran bagi eksport yang lebih tinggi. Penggunaan kapasiti kekal kukuh bagi industri berorientasikan pasaran dalam negeri dan eksport. Pada umumnya, keyakinan perniagaan yang meningkat dan prospek pertumbuhan dunia yang lebih baik menyebabkan aliran masuk pelaburan langsung asing baru kepada sektor perkilangan terus meningkat pada suku ketiga.

Sektor pertanian terus mencatat pengembangan yang kukuh bagi suku kelima berturut-turut disebabkan pengeluaran minyak sawit (+15.2%) dan getah (+17%) yang lebih tinggi berikutan peningkatan yang berterusan dalam harga komoditi. Walaupun pengeluaran minyak mentah meningkat, keluaran gas asli yang lebih rendah akibat penutupan sementara sebuah medan gas menyebabkan keluaran sektor perlombongan merosot sedikit.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada suku ketiga dicapai dengan kadar inflasi yang rendah. Harga pengguna kekal rendah dan hanya meningkat sebanyak 1%. Gandingan kapasiti berlebihan, produktiviti yang meningkat dan penetapan harga barangan dan perkhidmatan yang lebih kompetitif menyebabkan kuasa penentuan harga oleh pengeluar dapat dikekang, walaupun permintaan meningkat. Penunjuk harga harta benda terkini pada akhir bulan Jun hanya menunjukkan peningkatan yang kecil, terutamanya bagi harta benda bertanah yang terletak dalam lokasi terpilih. Indeks harga keseluruhan masih berada pada paras tahun 1997-98.




Sumbangan sektor luar negeri kekal kukuh pada suku ketiga. Penambahan rizab antarabangsa sebanyak AS$3.7 bilion kepada AS$40.7 bilion pada akhir suku ketiga terus disumbangkan oleh aliran masuk jangka panjang yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Aliran masuk modal portfolio bersih juga menyumbang kepada peningkatan rizab, namun aliran tersebut hanya meningkat pada kadar yang tinggi sedikit sejak akhir bulan September. Rizab antarabangsa negara terus meningkat kepada AS$43.6 bilion pada 31 Oktober, cukup untuk membiayai 6.9 bulan import tertangguh dan merupakan 4.7 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Data awalan yang diterbitkan menunjukkan lebihan perdagangan menurun kepada RM15.2 bilion pada suku ketiga berikutan kemerosotan dalam eksport (-3.1%) dan import (-5.7%) kasar. Data ini sedang dikaji semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (*DOS*) kerana pertukaran daripada sistem pemerosesan data secara manual kepada Sistem Pertukaran Data Elektronik (*EDI*) menyebabkan terdapat data yang tidak diambil kira. *DOS* akan menerbitkan data tersebut apabila kajian semula ini selesai.

Satu perkembangan yang ketara dalam akaun kewangan ialah pelaburan langsung asing yang kekal kukuh. Aliran ekuiti jangka panjang baru meningkat dua kali

lebih banyak pada suku ketiga, dengan pelaburan langsung asing disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, khususnya sektor-sektor perkhidmatan kewangan dan perniagaan, perdagangan borong dan runcit serta pengangkutan. Pelaburan asing dalam sektor perkilangan disalurkan terutamanya bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan semikonduktor dan petroleum.

Kadar pertukaran ringgit terus disokong oleh tahap rizab antarabangsa yang kukuh, inflasi yang rendah, lebihan dalam akaun semasa yang berterusan, hutang luar negeri yang rendah, serta sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan. Walaupun mengambil kira perkembangan mutakhir dalam pasaran tukaran wang asing, kadar pertukaran ringgit terus berada pada nilai saksama. Penambatan nilai ringgit telah memberikan kestabilan dan lebih kepastian, membantu aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan, serta menjadi sebahagian daripada pengurusan makroekonomi Malaysia yang penting.

***Dasar monetari menyokong pertumbuhan yang teguh***

Keadaan monetari mencerminkan pertumbuhan yang semakin kukuh. Permintaan kredit meningkat, pinjaman tidak berbayar (NPL) menurun dan sistem kewangan terus memberi sokongan padu kepada aktiviti sektor swasta. Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.6%. Berbanding suku kedua, jumlah pinjaman yang lebih tinggi dikeluarkan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), sektor isi rumah dan syarikat-syarikat besar. Pinjaman yang diberi kepada perniagaan meningkat sebanyak 17% pada suku ketiga.

Jumlah pinjaman meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.7% pada akhir bulan September, akibat pengeluaran pinjaman yang lebih pesat. Pinjaman kepada PKS, yang mencakupi 15.6% daripada keseluruhan jumlah pinjaman terkumpul dan 31.5% daripada pinjaman perniagaan, meningkat dengan lebih pesat sebanyak 7%. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2003, pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak RM4.8 bilion. Secara keseluruhan, pembiayaan yang diberi oleh sistem perbankan

melalui pemberian pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) mengembang sebanyak 5.7% pada akhir bulan September. Pembiayaan sektor swasta kasar keseluruhan yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan ketara sebanyak 13.9% pada suku ketiga.







Peningkatan dalam ketiga-tiga agregat monetari juga mencerminkan sentimen pengguna dan perniagaan yang meningkat dengan ketara. Pengembangan yang kukuh dalam M1 (11.9%) mencerminkan peningkatan permintaan mudah tunai daripada pengguna dan perniagaan, sementara peningkatan M3 (9.2%) mencerminkan peningkatan pinjaman langsung daripada sistem perbankan dan pengembangan sektor luar negeri.

Walaupun permintaan pinjaman lebih kukuh, kadar pinjaman purata terus menurun berikutan penurunan kadar dasar BNM sebanyak 50 mata asas pada bulan Mei 2003 dan suasana perbankan yang lebih berdaya saing. Meskipun jumlah aliran masuk modal lebih besar, operasi mudah tunai BNM memastikan kadar faedah kekal stabil. Instrumen yang ada kekal mencukupi bagi memudahkan operasi sterilisasi. Oleh itu, pertumbuhan bekalan wang masih konsisten dengan tahap aktiviti ekonomi yang lebih tinggi.

Keuntungan sektor perbankan kekal kukuh pada suku ketiga sementara keadaan ekonomi yang kukuh memperlihatkan mutu aset yang bertambah baik. Sistem perbankan mencatat keuntungan operasi kasar yang lebih tinggi sebanyak RM3 bilion

pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi, walaupun perbelanjaan faedah ke atas deposit dan kos mengurus juga lebih rendah.

Nisbah *NPL* bersih (pada asas 6 bulan) menurun kepada 6.5% pada akhir bulan September 2003 (9% pada asas 3 bulan). Jumlah *NPL* dalam sektor perniagaan khususnya, terus mencatat penurunan. Penurunan *NPL* yang paling ketara dicatat oleh sektor komuniti, persendirian dan perkhidmatan sosial, dan sektor perkhidmatan kewangan, berikutan pelaksanaan beberapa aktiviti penstrukturan semula hutang. *NPL* bagi sektor isi rumah kekal terkawal pada tahap 8.2%.

| | 2002 | | 2003 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Sep.** | **Dis.** | **Mac** | **Jun** | **Sep.** |
| **Modal** | | | | | |
| Nisbah modal teras (%) | 11.0 | 11.1 | 11.0 | 11.1 | 10.9 |
| RWCR (%) | 13.3 | 13.2 | 13.2 | 13.7 | 13.4 |
| **Nisbah NPL bersih** | | | | | |
| 6 bulan | 7.7 | 7.5 | 7.0 | 6.8 | 6.5 |
| 3 bulan | 10.5 | 10.2 | 9.9 | 9.5 | 9.0 |

Satu perkembangan penting telah dicapai dalam penstrukturan semula sektor perbankan, berikutan penebusan balik bon dengan jumlah nominal sebanyak RM11 bilion oleh Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) pada 21 Oktober 2003. Pada masa ini, Danamodal mempunyai aset dengan nilai buku sebanyak RM2.2 bilion. Berdasarkan pelupusan aset yang dijangka melebihi nilai buku, jumlah kos bersih bagi mempermodal semula institusi perbankan oleh Danamodal dianggarkan sebanyak 0.15% KDNK negara.

***Penunjuk masa hadapan meramalkan pertumbuhan kekal kukuh***

Prospek ekonomi global bagi baki tempoh tahun 2003 dan tahun 2004 telah menjadi semakin positif. Ekonomi Amerika Syarikat pulih dengan kukuh pada suku ketiga dengan peningkatan peluang pekerjaan dan pelaburan serta kadar pengangguran yang menurun. Perkembangan ini dijangka meninggalkan kesan positif kepada penggunaan swasta Amerika Syarikat. Bukti yang lebih kukuh tentang

pelaburan yang meningkat ditunjukkan oleh pemulihan pertumbuhan global yang lebih mapan. Tren yang memberangsangkan ini juga dapat dilihat di Jepun dan Eropah.

Suasana luar negeri yang lebih positif ini akan memperkukuhkan lagi permintaan dalam negeri. Keyakinan pengguna dan perniagaan yang meningkat dijangka memperkuatkan momentum pertumbuhan dalam penggunaan dan pelaburan swasta, sementara defisit perbelanjaan sektor awam dikurangkan secara beransur-ansur. Penunjuk utama terus menyokong pertumbuhan yang mapan dalam jangka pendek dan sederhana. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang meningkat sebanyak 5.9 mata kepada 112.8 mata pada suku ketiga mencerminkan keyakinan pengguna yang semakin meningkat. Di samping itu, prospek pelaburan, terutamanya pelaburan swasta, juga memperlihatkan tren yang positif. Antara penunjuk masa hadapan, tren bagi permohonan pinjaman terus meningkat, menunjukkan permintaan yang mapan bagi pembiayaan untuk mengembangkan aktiviti perniagaan. Di samping itu, ekonomi negara terus menikmati kesan positif daripada langkah-langkah rangsangan yang dilaksanakan Kerajaan. Lebih penting daripada itu, pemulihan dalam sentimen disokong oleh asas ekonomi yang kukuh, yang bukan sahaja menyediakan keadaan yang stabil bagi pertumbuhan pada masa hadapan, tetapi juga dapat terus membendung risiko yang wujud. Inflasi diramal kekal rendah dan stabil sementara perdagangan dan aliran pelaburan jangka panjang menyumbang dengan ketara kepada peningkatan rizab antarabangsa. Sistem perbankan mempunyai



kedudukan modal yang kukuh dengan *NPL* mencatat tren yang menurun. Ini menunjukkan sektor perbankan yang lebih utuh. Walaupun prospek ekonomi dijangka positif dan risiko yang secara relatifnya rendah, pihak Kerajaan mempunyai fleksibiliti untuk melaksanakan langkah-langkah awal jika perkembangan luar negeri terjejas.

Walaupun keadaan semasa menyokong jangkaan bahawa pertumbuhan akan mengatasi ramalan yang dibuat sebelumnya, pengurangan jurang antara keluaran potensi dan sebenar akan mengambil masa. Dalam hal ini, dasar monetari yang akomodatif pada masa ini akan dikekalkan bagi menyokong momentum pertumbuhan.

**Bank Negara Malaysia**
**19 November 2003**